



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 8 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM PASTIKAN MAKANAN SELAMAT, BERKHASIAH UNTUK RAKYAT, NEGARA, KOSMO-8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	KPKM PASTIKAN BEKALAN MAKANAN SELAMAT, BERKHASIAH DAN MUDAH DIAKSES, ONLINE, SINAR HARIAN	
3.	TERENGGANU RANCANG BINA GARISAN TUKUN PESISIR PANTAI, NEGERI, SH-26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
4.	50 PEKEBUN RUGI RM700,000 TEMBIKAI DITENGGELAMI BAH, NASIONAL, BH-18	LAIN-LAIN
5.	HABIS TEMBIKAI TENGGELAM, LOKAL, HM-18	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2025	KOSMO	NEGARA	8

KPKM pastikan makanan selamat, berkhasiat untuk rakyat

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan terus berusaha memastikan bekalan makanan yang selamat, berkhasiat dan mudah diakses oleh semua rakyat Malaysia terutama golongan memerlukan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, terdapat hubungan yang sangat erat antara pemakanan yang seimbang dan kesihatan keluarga, khususnya golongan ibu dan kanak-kanak.

"Sempena Hari Kesihatan Sedunia ini, marilah kita memperbaharui komitmen untuk menjaga kesihatan dari peringkat awal kehidupan. Sesungguhnya, permulaan yang sihat akan melahirkan kan masa depan yang lebih cerah untuk negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi satu hantaran di media sosial sempena sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2025 semalam.

Terdahulu, Mohamad berkata, tema sambutan tahun ini iaitu

Permulaan Sihat, Masa Depan Cerah menekankan kepentingan penjagaan kesihatan ibu dan anak sebagai asas utama kepada kesejahteraan komuniti dan pembangunan mampan negara.

Katanya, kesihatan ibu dan anak bukan sahaja mencerminkan tahap kemajuan sistem kesihatan sesebuah negara, malah menjadi penanda aras kepada keupayaan membina generasi yang sihat, cerdas dan berdaya saing.



MOHAMAD SABU (tiga dari kanan) ketika menghadiri lawatan ke Projek Tanaman Bawang Rose Ehsan di Selangor Fruit Valley, Bestari Jaya Selangor pada Januari lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2025	SINAR HARIAN	online	

KPKM pastikan bekalan makanan selamat, berkhasiat dan mudah diakses



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited untuk memastikan bekalan makanan yang selamat, berkhasiat, dan mudah diakses oleh semua rakyat Malaysia, khususnya golongan yang memerlukan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sempena Hari Kesihatan Sedunia 2025, beliau menyedari hubungan rapat antara pemakanan seimbang dan kesihatan keluarga, terutamanya bagi golongan ibu dan kanak-kanak.

"Tema sambutan tahun ini, 'Permulaan Sihat, Masa Depan Cerah' menekankan kepentingan penjagaan kesihatan ibu dan anak sebagai asas utama kesejahteraan komuniti dan pembangunan mampan negara.

"Kesihatan ibu dan anak bukan sahaja mencerminkan tahap kemajuan sistem kesihatan sesebuah negara, malah menjadi penanda aras bagi keupayaan kita membina generasi yang sihat, cerdas, dan berdaya saing," katanya menerusi catatan di Facebook hari ini.

Beliau turut mengajak orang ramai untuk memperbaharui komitmen dalam menjaga kesihatan sejak peringkat awal kehidupan sempena sambutan Hari Kesihatan Sedunia yang berlangsung hari ini.

"Sesungguhnya, permulaan yang sihat akan melahirkan masa depan yang lebih cerah untuk negara kita. Selamat Hari Kesihatan Sedunia 2025," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	26

Terengganu rancang bina garisan tukun pesisir pantai

KUALA TERENGGANU - Terengganu merancang untuk mewujudkan garisan tukun sepanjang 245 kilometer (km) jajaran pantai negeri itu bermula dari Kemaman hingga Besut.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, projek itu bertujuan memelihara kelestarian alam pada masa kini dan akan datang dengan sasaran utama melabuhkan satu kelompok tukun bagi setiap 1km.

"Tahun ini, kita merancang melabuhkan kira-kira 100 unit tukun tiruan konkrit berbentuk kuboid yang akan diagihkan secara adil ke semua daerah yang mempunyai pesisir pantai. "Setakat ini, lebih 1,600 unit tukun telah ditempatkan di sepanjang pantai Terengganu,"

katanya dalam kenyataan di sini pada Isnin.

Azman berkata, inisiatif itu menunjukkan komitmen kerajaan negeri dalam memelihara sumber perikanan dan ekosistem laut serta memberi manfaat kepada nelayan dan peminat aktiviti rekreasi di kawasan tersebut.

Beliau berkata, kajian dijalankan oleh institusi pengajian tinggi tempatan bersama Jabatan Perikanan Malaysia mendapati purata kepadatan ikan di tukun-tukun Terengganu tertinggi di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

"Kajian tersebut menyatakan

kepadatan ikan di tukun-tukun Terengganu ialah yang tertinggi dengan kira-kira 75 peratus kepadatan mengatasi Kelantan, Pahang dan Johor Timur," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, tukun tersebut terbahagi kepada dua kategori iaitu tukun rekreasi dan tukun konservasi.

"Tukun rekreasi dilabuhkan di luar kawasan taman laut dan terbuka untuk nelayan serta memancing rekreasi.

"Tukun konservasi pula dilabuhkan di kawasan taman laut untuk tujuan pembiakan hidupan laut dengan larangan aktiviti penangkapan ikan.



DR AZMAN



Antara kawasan tukun tiruan yang menjadi habitat pembiakan ikan di pantai Terengganu.

"Rasionalnya, kita perlu ada sesuatu kawasan yang digazetkan sebagai zon pembiakan ikan tanpa gangguan bagi terus memperkayakan sumber perikanan," ujar beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

50 pekebun rugi RM700,000 tembikai ditenggelami bah

Pengusaha tak sempat menyelamatkan buah susulan banjir luar jangka

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Setiu: "Kami tidak serik untuk terus mengusahakan tanaman tembikai, walaupun terpaksa menanggung kerugian lebih RM10,000 selepas kebun ditenggelami air, Rabu lalu.

"Tembikai yang ditenggelami air berikutan hujan lebat selama dua hari mulai Rabu lalu sepatutnya boleh dituai Khamis depan," kata pekebun tembikai, Pizu Draman, 32, di Kampung Seberang Penarik, di sini, semalam.

Pizu yang kali pertama mengusahakan tanaman tembikai antara 50 pekebun mengalami kerugian melebihi RM700,000 selepas tanaman ditenggelami air berikutan hujan lebat, Rabu lalu.

Bellau yang mengusahakan tanaman tembikai merah dan kuning di atas tanah seluas kira-kira 1.76 hektar menganggarkan kerugian lebih RM6,000 selepas kebun ditenggelami air sedalam 0.91 meter (m).

Seorang lagi pengusaha tembikai, Hazlin Setopa, 38, berkata tanaman tembikai diusahakan di atas tanah seluas 2.24 hektar turut



Pizu (kanan) menunjukkan tanaman tembikai yang diusahakan rosak selepas ditenggelami banjir di Kampung Seberang Penarik, Setiu. (Foto Baharom Bakar/BH)

ditenggelami air sedalam 1.52m.

Katanya, tembikai diusahakan sepatutnya dapat dituai dalam tempoh dua minggu iaitu Khamis depan.

"Ketika hujan lebat, saya berada di rumah dan gagal memin-dahkan tembikai dianggarkan di antara 3 kilogram (kg) dan 5kg ke atas batas atau ke tempat yang lebih tinggi.

"Saya menganggarkan mengalami kerugian lebih RM11,000 apabila tembikai diusahakan sejak Februari lalu rosak selepas ditenggelami air," katanya ketika ditemui di kebunnya di Kampung Seberang Penarik, di sini.

Sementara itu, Pengerusi Ja-

watankuasa Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim mengesahkan ada menerima laporan mengenai kebun tembikai ditenggelami air berikutan hujan lebat, Rabu lalu.

Bantuan RM2 juta

Katanya, kerajaan ada menyediakan bantuan berjumlah di bawah Tabung Bencana Pertanian (TBP) sebanyak RM2 juta.

"Pengusaha tanaman tembikai yang mengalami kerugian diminta membuat laporan polis dan Jabatan Pertanian Terengganu.

"Jabatan Pertanian negeri akan mengemukakan laporan

jumlah kerugian dialami kepada jawatankuasa induk TBP yang ditubuhkan kerajaan sejak 2020," katanya.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi, berkata banjir luar jangka yang berlaku Rabu lalu turut menjejaskan pengusaha tanaman tembikai di Kampung Telaga Papan, Saujana dan Kampung Seberang Penarik.

"Setakat ini kerajaan negeri melalui agensi pertanian masih mengumpul maklumat jumlah pengusaha tembikai dan jumlah kerugian ditanggung disebabkan bencana banjir luar jangka," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	18

50 PEKEBUN RUGI RM700,000 AKIBAT BANJIR LUAR JANGKA

Habis tembikai tenggelam

Oleh Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

Setiu

"Kami tidak serik untuk terus mengusahakan tanaman tembikai selepas kebun ditenggelami air, Rabu lalu.

"Tembikai yang ditenggelami air berikutan hujan lebat selama dua hari mulai Rabu lalu sepatutnya boleh dituai Khamis depan," kata pekebun tembikai, Pizu Draman, 32, di Kampung Seberang Penarik, di sini.

Pizu yang pertama kali mengusahakan tanaman tembikai antara 50 pekebun mengalami kerugian dianggarkan melebihi RM700,000 selepas tanaman ditenggelami air berikutan hujan lebat Rabu lalu.

Pizu mengusahakan tanaman tembikai berwarna merah dan kuning atas tanah seluas 1.8 hektar.

Dia kerugian RM6,000 selepas kebun ditenggelami air sedalam 0.91 meter.

Seorang lagi pengusaha tembikai, Hazlin Setopa, 38, berkata, tanaman tembikai diusahakan di atas tanah seluas kira-kira 2.3 hektar turut ditenggelami air sedalam 1.52 meter.

Katanya, sepatutnya tembikai diusahakan dapat dituai dalam tempoh dua minggu lagi.

"Ketika hujan lebat, saya



PIZU (kanan) menunjukkan tembikai diusahakan rosak selepas ditenggelami banjir luar jangka di kebunnya di Kampung Seberang Penarik.

berada di rumah dan gagal memindahkan tembikai dianggarkan seberat antara tiga kilogram (kg) dan lima kg ke atas batas atau ke tempat yang lebih tinggi. "Anggaran kerugian me-

lebih RM11,000 apabila tembikai diusahakan sejak Februari lalu rosak selepas ditenggelami air," katanya di Kampung Seberang Penarik, di sini.

Sementara itu, Pengerusi

Jawatankuasa Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim mengesahkan menerima laporan mengenai kebun tembikai ditenggelami air berikutan

hujan lebat yang melanda Rabu lalu.

Katanya, kerajaan menyediakan bantuan berbilang di bawah Tabur Bencana Pertanian (TBBP) sebanyak RM2 juta.